

Sokong PM selepas kerajaan dibentuk bukan lompat parti

5 ahli Parlimen pembangkang beralih sokongan tidak boleh dikaitkan rasuah

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen pembangkang menyokong Kerajaan Perpaduan tidak boleh dikaitkan dengan rasuah kerana kerajaan Persekutuan sudah terbentuk dan pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri juga sudah dibuat dengan sokongan 149 Ahli Dewan Rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, menegaskan tindakan itu juga tidak melanggar Akta Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 (Akta A1663) yang melarang Ahli Dewan Rakyat (ADUN) bertukar parti.

Bagaimanapun, katanya, parti politik menaungi ahli Parlimen berkenaan mempunyai kebebasan mengenakan tindakan disiplin ke atas wakil rakyat terbabit dan perkara berkenaan juga dibincangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen sebelum ini.

"Ketika perbincangan dibuat melalui Jawatankuasa Pilihan Khas, bila kita bincang mengenai mereka yang memberikan sokongan, tetapi tidak lompat, adakah ia dikira sebagai lompat parti? Namun keputusan ketika itu adalah mereka yang lompat parti adalah apabila mereka betul-betul tinggalkan parti.

"Hari ini (ahli Parlimen pembangkang) katakan mereka tidak meninggalkan parti, hanya beri sokongan.

"Namun parti berhak mengambil tindakan disiplin jika nak, itu antara dia (ahli Parlimen) dan parti dia," katanya ketika tampil sebagai tetamu program bual bicara *Suara Anak MADANI*.

Program berkenaan yang dihoskan Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar, Mohd Akin dan disiarkan melalui platform media sosial, antara lain membincangkan dasar serta isu hangat dengan tetamu jemputan berlatarbelakangkan dunia po-



Azalina dan Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil ketika program bual bicara *Suara Anak MADANI* di Kuala Lumpur. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

litik dan pentadbiran kerajaan.

Setakat hujung bulan lalu, lima Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) daripada BERSATU menyatakan sokongan kepada Anwar, iaitu masing-masing dua dari Kelantan dan Perak serta seorang dari Wilayah Persekutuan Labuan, namun menegaskan mereka masih bersama parti.

Mereka ialah Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal; Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid; Ahli Parlimen Jeli, Zahari Kechik; Ahli Parlimen Gua Musang, Mohd Azizi Abu Naim dan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman.

Tak tertakluk pindaan

Azalina menegaskan, tidak timbul isu Kerajaan Perpaduan membawa lari ahli Parlimen pembangkang, menggertak atau merasuah kerana melalui pindaan Perlembagaan yang terbabit, ia hanya terpakai apabila mereka bertindak meninggalkan parti yang diwakili ketika bertanding pilihan raya.

"Mereka kekal sebagai ahli parti, namun tertakluk kepada parti mereka jika hendak membuat tindakan dan sebagainya. Jadi, apa yang kita lihat di sini ialah dia bukan lompat parti dan dia beri sokongan dalam keadaan kerajaan sudah terbentuk," katanya.

Bagi kes lima ahli Parlimen berkenaan, beliau berkata, mereka hanya menyatakan sokongan kepada Anwar tanpa meninggalkan parti masing-masing, bukannya menyokong bagi mencukupkan majoriti diperlukan Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu untuk menjadi Per-

dana Menteri.

Memberi contoh, pembentukan Kerajaan Persekutuan memerlukan 112 sokongan di Dewan Rakyat, tetapi jumlah itu tidak mencukupi dan calon Perdana Menteri kemudian memberi pelbagai janji kepada ahli Parlimen pembangkang bagi mendapatkan cukup sokongan untuknya dilantik ke jawatan berkenaan.

"Menjanjikan bulan, bintang dan matahari sebab nak jadi Perdana Menteri. Beliau tidak cukup sokongan dan memerlukan lima lagi sokongan ahli Parlimen, ini orang boleh kata rasuah. Tapi kalau Perdana Menteri sudah ada sokongan 149 (ahli Parlimen), lagi lima itu untuk apa?

"Sebab mereka beri sokongan ialah bagi menyokong semua dasar yang membawa kepada perpaduan, mereka nak kerajaan melihat (walaupun) parti pembangkang, (mereka) berkemampuan mendapat sokongan kerajaan," katanya.

Mengenai soal peruntukan, Azalina yang juga Ketua Pengerangan UMNO berkata, lumrah pembangkang tidak mendapat kelebihan itu, namun Kerajaan Perpaduan tetap memberi peluang ahli Parlimen pembangkang berunding.

"Dulu, masa saya jadi pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), kami pun tak dapat peruntukan dan tak dapat masuk ke premis kerajaan, macam-macam tak dapat. Sekarang ini, peluang itu ada.

"Perdana Menteri berucap di Parlimen, beliau cakap (ahli Parlimen pembangkang) boleh berunding dengan Timbalan Perdana Menteri Kedua (Datuk Seri Fadilah Yusof) untuk berbincang (soal peruntukan)," katanya.